

Pembangunan modal insan strategi majukan negara

UB 01-04-2012 B4

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

conypearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Pembangunan modal insan merupakan antara strategi utama dalam memajukan negara.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig Jen Professor Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata modal insan cemerlang yang ingin dilahirkan ialah individu yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran, inovatif, memiliki jati diri, beretika, terlatih dan mempunyai minda kelas pertama.

Katanya, penghasilan modal insan cemerlang ini memberi penekanan kepada generasi muda yang dibentuk semenjak di bangku sekolah dan seterusnya digilap di peringkat institusi pengajian tinggi.

"Sehubungan itu, UMS melalui pameran pendidikan ini menyahut saranan tersebut dengan



HARUN (dua kiri) dan Mariam (dua kanan) ketika lawatan ke tapak pameran

menyebarluaskan maklumat penting kepada generasi muda agar memahami dengan jelas mengenai kursus pengajian yang boleh diikuti, khususnya yang ditawarkan di UMS.

"Maklumat ini penting

untuk memberi gambaran dan panduan kepada kumpulan sasaran, khasnya lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

"Golongan ini harus dibimbing dan diberi pemahaman mengenai senario pengajian dan pembelajaran di peringkat universiti," katanya pada Majlis Perasmian Penutupan Pameran Pendidikan 'roadshow UMS 2012', di sini kelmarin. Teks ucapannya disampaikan oleh Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMS, Prof Madya Datin Dr Mariam Abdul Latip.

Menurutnya, sepanjang penganjuran pameran itu, pelbagai kemusyikan masyarakat telah terjawab terutamanya tanggapan segelintir pihak yang berpendapat melanjutkan pelajaran di peringkat

lebih tinggi memerlukan kos mahal serta mengenai isu kekurangan tempat tinggal.

"Oleh itu, melalui jelajah ini, pameran ini juga telah berjaya membuka mata masyarakat khususnya di kawasan luar bandar mengenai kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh UMS, di samping program pengajian yang ditawarkan."

"Tidak keterlaluan saya nyatakan bahawa UMS merupakan pilihan terbaik untuk melanjutkan pengajian," ujarnya.

Tambahnya, antara kelebihan UMS ialah skop penyelidikan dan kajiannya adalah tertumpu kepada sumber alam semula jadi.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Mohd Harun Abdullah dan tetamu kehormat yang lain.



MARIAM (kanan) menerima cenderahati semasa majlis itu.